

## **GARISPANDU BAGI HARI-HARI DAN TARIKH-TARIKH YANG TIDAK DIBENARKAN UNTUK MENGADAKAN HIBURAN**

1. Bulan-bulan Islam yang tidak dibenarkan dan yang dibenarkan mengadakan aktiviti hiburan awam: -

HARI-HARI KEBESARAN ISLAM	DIBENARKAN	TIDAK DIBENARKAN
<b>Muharram</b>	<b>11hb. – 30hb.</b>	<b>1hb. – 10hb.</b>
<b>Safar</b>	<b>1hb. – 30hb.</b>	-
<b>Rabiulawal</b>	-	<b>1hb. – 30hb.</b>
<b>Rabiulakhir</b>	<b>1hb. – 30hb.</b>	-
<b>Jamadilawal</b>	<b>1hb. – 30hb.</b>	-
<b>Jamadilakhir</b>	<b>1hb. – 30hb.</b>	-
<b>Rejab</b>	-	<b>1hb. – 30hb.</b>
<b>Syaaban</b>	-	<b>1hb. – 30hb.</b>
<b>Ramadhan</b>	-	<b>1hb. – 30hb.</b>
<b>Syawal</b>	<b>8hb. – 30hb.</b>	<b>1hb. – 7hb.</b>
<b>Zulkaedah</b>	<b>1hb. 30hb.</b>	
<b>Zulhijjah</b>	<b>16hb. – 30hb.</b>	<b>1hb. – 15hb.</b>

2. Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan semasa tarikh-tarikh yang tidak dibenarkan mengadakan aktiviti Hiburan adalah seperti berikut:-
  - 2.1 Persembahan atau pertandingan nyanyian, tarian, drama dan musik;
  - 2.2 Sarkas, akrobatik atau seni mempertahankan diri.
  - 2.3 Permainan 'funfair'
  - 2.4 Pameran lukisan, gambar atau potret
3. Hari dan waktu yang tidak dibenarkan dan yang dibenarkan mengadakan aktiviti hiburan awam: -
  - 3.1 **Tidak dibenarkan** mengadakan pada Hari Khamis malam (malam jumaat) termasuk pada siang hari Jumaat. Ini adalah kerana Hari Jumaat adalah

merupakan penghulu segala hari (*Saidul Ayyam*) yang mempunyai kelebihan dan keberkatan.

3.2 Pada hari yang **dibenarkan**, waktu Persembahan hendaklah: -

- 3.2.1 Jika diadakan pada waktu malam dimulakan 30 minit selepas waktu sembahyang fardhu isya sehingga 12.00 tengah malam; dan
- 3.2.2 Jika diadakan pada waktu siang diberhentikan sekurang-kurang 15 minit sebelum waktu azan dan bolehlah di sambung semula 30 minit selepas waktu azan.